

IRSYAD HUKUM

PENGUNAAN *e-WALLET* MENGIKUT PERSPEKTIF SYARAK

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada tarikh 25 Zulhijjah 1442H bersamaan 4 Ogos 2021M telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-117 sebagai Irsyad Hukum (panduan Hukum) mengenai Penggunaan *e-wallet* mengikut Perspektif Syarak. Jawatankuasa berpendapat Penggunaan *e-wallet* adalah **diharuskan dengan syarat** menepati parameter yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Urus niaga melibatkan transaksi digital hendaklah dilakukan melalui Operator *e-wallet* yang diluluskan dan dikawal selia oleh pihak berautoriti sahaja;
- ii. Pengguna dan Operator hendaklah mempunyai pengetahuan berkenaan penggunaan *e-wallet*, memahami hak dan tanggungjawab mereka selaku pihak yang berakad;
- iii. Dalam pematuhan transaksi ini, Operator dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat syariah daripada Penasihat Syariah yang bertauliah;
- iv. Hendaklah tiada unsur paksaan;
- v. Operator hendaklah menyatakan dengan jelas kontrak yang digunapakai dan implikasi kepada pengguna;
- vi. Operator hendaklah memastikan terdapat mekanisme pemulangan wang (refund) apabila pengguna menutup akaun atau apabila berlaku kematian kerana wang tersebut milik pelanggan atau waris pelanggan; dan
- vii. Pengguna hendaklah mengunapakai *e-wallet* patuh Syariah.